

# MediShield Hayat

Nikmati perlindungan yang lebih baik sepanjang hayat



Dari akhir 2015, MediShield Hayat akan menyediakan perlindungan sepanjang hayat kepada semua Warga Singapura dan Penduduk Tetap, termasuk mereka yang kini sakit atau pun mempunyai penyakit yang dihadapi sekarang. Pemerintah akan menyediakan subsidi agar premium masih mampu dibayar. Sekiranya anda memiliki Pelan Perlindungan Bersepadu, subsidi-subsidi ini boleh digunakan untuk komponen MediShield Hayat.

- Subsidi Peralihan sehingga 90% daripada peningkatan premium untuk semua Warga Singapura bagi empat tahun yang pertama
- Subsidi Generasi Perintis untuk sepanjang hayat
- Subsidi Premium untuk mereka yang berpendapatan rendah dan pertengahan

Tiada sesiapa yang akan kehilangan perlindungan MediShield Hayat kerana tidak mampu membayar premium mereka. Pemerintah akan menyediakan Bantuan Premium Tambahan bagi mereka yang tidak mampu membayar premium walaupun setelah mendapat subsidi.